

# Majikan, kesatuan sekerja berbeza pandangan

## MTUC tidak setuju, FFM anggap mampu atasi kekurangan pekerja asing

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majikan dan kesatuan sekerja berbeza pandangan berhubung cadangan kerajaan memperkenalkan dasar untuk memberi kebenaran kepada pelarian bekerja di negara ini dalam masa terdekat.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) nyata tidak bersetuju jika kerajaan mengambil tindakan sewenang-wenangnya berhubung perkara itu yang dianggap tidak wajar kerana kemiskinan pelarian pada dasarnya untuk mendapatkan perlindungan di negara ketiga susulan berlaku sesuatu di negaranya.

Bagaimanapun, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) pula menyambut baik langkah kerajaan itu yang dilihat dapat mengatasi isu dihadapi secara berterusan pihak industri berkenaan kekurangan tenaga kerja asing.

### Jejas peluang rakyat

Bagi Presiden MTUC, Mohd Effendy Abdul Ghani, jika kerajaan membenarkan pelarian bekerja ia mengurangkan peluang pekerja tempatan berikutan realiti pelarian yang masuk ke sini tanpa kemahiran khusus untuk mengisi kekosongan sektor pekerjaan.

"Adalah tidak wajar juga pelarian ini yang mempunyai peruntukan bantuan daripada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) diterima bekerja kerana mereka bukan dalam kelompok pekerja yang kerajaan perlukan.

"Kita juga bimbang apabila pelarian ini dibenarkan bekerja di negara ini, ia membuka ruang kepada pihak ketiga masuk ke negara kerana pelarian dibenarkan bekerja, selain akan membekirkan risiko pelarian didiskriminasi, terbabit buruh paksa dan lain-lain," katanya kepada *BH*, semalam.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, dilaporkan berkata, beliau dimaklumkan dasar itu akan diperkenalkan segera, tetapi tidak memperincikan tarikh pelaksanaannya.

Ia susulan jawapan bertulis di Parlimen pada 24 Mac lalu yang memetik Saravanan sebagai berkata, kementeriannya mengetuai jawatankuasa meng-

## Perkenal dasar benarkan pelarian bekerja



Keratan akhbar *BH*, semalam.

kaji perkara itu.

Mohd Effendy berkata, pihaknya juga tidak bersetuju kerana Malaysia adalah negara yang mempunyai undang-undang dan keputusan mengambil pelarian sebagai pekerja boleh menimbulkan banyak implikasi negatif.

"Ketika ini bukan pelarian tidak dibenarkan bekerja langsung, sebaliknya mereka boleh bekerja dalam sektor tidak formal, jadi itu sudah cukup kerana mereka berada di negara ini untuk berlindung.

"Seharusnya tenaga tempatan mengisi sendiri pekerjaan di negara kita," katanya.



Dasar untuk memberi kebenaran kepada pelarian bekerja di negara ini akan diperkenalkan dalam masa terdekat.

(Foto hiasan)

Susulan itu, beliau berkata, kajian perlu dibuat bersama pihak berkepentingan bagi mengetahui punca tenaga tempatan lebih berminat ke luar negara sebagai pengutip buah, tukang cuci, bekerja ladang berbanding bekerja di negara sendiri.

"Kerajaan juga perlu mengkaji semula gaji lebih kompetitif bagi pekerjaan dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) berikutan sektor berkenaan berisiko tinggi," katanya.

### Saringan terperinci

Sementara itu, Presiden MEF, Tan Sri Soh Thian Lai, berkata kerajaan atau pihak berkaitan perlu melakukan saringan secara terperinci bagi memastikan pelarian yang mahu diambil bekerja secara sah mempunyai rekod bersih atau tulen.

Katanya, ia termasuk memastikan mereka melepasi saringan dan berdaftar secara sah dengan UNHCR.

"Bagi pihak majikan pula, kita mempunyai garis panduan yang jelas mengenai prosedur penggajian pelarian bagi memastikan mereka tidak dituduh melakukan amalan buruh paksa pada kemudian hari," katanya kepada *BH*, semalam.

Katanya, pelarian yang mengikuti program penempatan pekerjaan, perlu melalui orientasi atau pembudayaan pekerjaan bagi membolehkan mereka dapat membiasakan diri dengan persekitaran kerja di negara ini.

"Program ini boleh digerakkan melalui usaha sama antara majikan dan UNHCR.

"Kita yakin dengan menggunakan pendekatan ini, lebih ramai pelarian dilengkapi kemahiran, sekali gus mampu mengisi kekosongan pekerjaan

“Kita juga bimbang apabila pelarian ini dibenarkan bekerja di negara ini, ia membuka ruang kepada pihak ketiga masuk ke negara kerana pelarian dibenarkan bekerja”

Mohd Effendy Abdul Ghani, Presiden MTUC



“Kita yakin dengan menggunakan pendekatan ini, lebih ramai pelarian dilengkapi kemahiran, sekali gus mampu mengisi kekosongan pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi”



Soh Thian Lai, Presiden MEF

di pelbagai sektor ekonomi termasuk pembuatan,” katanya.

Bagaimanapun, Thian Lai berkata, perkara itu bergantung kepada industri dan tahap kemahiran pelarian yang diperlukan majikan.

"Majikan juga mengalu-alukan bantuan untuk kos latihan sama ada daripada UNHCR atau kerajaan. Latihan disediakan majikan boleh dianggap sebagai sumbangan program khidmat sosial korporat (CSR)," katanya.

Katanya, kerajaan juga disarankan memberi beberapa pelepasan atau potongan cukai kepada majikan terbabit program itu.